

PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB SUAMI TERHADAP HAK ISTERI DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu in *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004* at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29-30 May 2004 , pp 1-8.

Abstrak

Institusi keluarga yang baik menjadi asas kepada pembangunan masyarakat atau negara. Kemakmuran hidup masyarakat atau negara bergantung kepada keutuhan institusi keluarga. Kedua-dua institusi keluarga dan masyarakat saling berkait antara satu sama lain dalam menentukan corak dan hala tuju pembentukan generasi dan negara. Kekuatan institusi keluarga dan masyarakat akan menentukan kemajuan dan pembangunan negara. Sementara kelemahan kedua-dua institusi ini pula akan menimbulkan pelbagai krisis dan masalah yang meruntuhkan negara. Memandangkan kepentingan kebahagiaan dan kesejahteraan institusi keluarga, Islam telah menentukan peraturan, undang-undang dan syariat seperti perintah dan galakan untuk berkahwin, penetapan hak dan tanggungjawab suami isteri serta hak anak-anak dan hak ibu bapa. Semua perkara ini mempunyai perkaitan yang amat rapat bagi pembentukan sebuah institusi kekeluargaan yang mantap sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak. Pembentukan sebuah rumah tangga dalam Islam adalah melalui proses perkahwinan yang sah. Perkahwinan akan mengatur kehidupan rumah tangga dan keturunan yang akan menjadi susunan kepada kelompok masyarakat yang besar. Tujuan ini akan tercapai berasaskan kepada eratnya hubungan kasih sayang antara suami isteri dan pergaulan yang baik antara mereka.

PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB SUAMI TERHADAP HAK ISTERI DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU*

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi
*Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia*

PENGENALAN

Institusi keluarga yang baik menjadi asas kepada pembangunan masyarakat atau negara. Kemakmuran hidup masyarakat atau negara bergantung kepada keutuhan institusi keluarga. Kedua-dua institusi keluarga dan masyarakat saling berkait antara satu sama lain dalam menentukan corak dan hala tuju pembentukan generasi dan negara. Kekuatan institusi keluarga dan masyarakat akan menentukan kemajuan dan pembangunan negara. Sementara kelemahan kedua-dua institusi ini pula akan menimbulkan pelbagai krisis dan masalah yang meruntuhkan negara.

Memandangkan kepentingan kebahagiaan dan kesejahteraan institusi keluarga, Islam telah menentukan peraturan, undang-undang dan syariat seperti perintah dan galakan untuk berkahwin, penetapan hak dan tanggungjawab suami isteri serta hak anak-anak dan hak ibu bapa. Semua perkara ini mempunyai perkaitan yang amat rapat bagi pembentukan sebuah institusi kekeluargaan yang mantap sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Pembentukan sebuah rumah tangga dalam Islam adalah melalui proses perkahwinan yang sah. Perkahwinan akan mengatur kehidupan rumah tangga dan keturunan yang akan menjadi susunan kepada kelompok masyarakat yang besar. Tujuan ini akan tercapai berasaskan kepada eratnya hubungan kasih sayang antara suami isteri dan pergaulan yang baik antara mereka. Keadaan ini digambarkan dalam al-Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya: "Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan antara kamu rasa kasih kasihan belas."

(Surah *al-Rum*, 30: 21)

Melalui ayat ini Allah S.W.T memberi petunjuk kepada umat manusia bahawa kehidupan rumah tangga memerlukan kepada tiga asas utama:

- (1) Ketenangan jiwa (*sakinah*), mendamaikan diri dan jiwa (ada sokongan moral dan spirituil) daripada segala kerunsingan, kekosongan dan kelemahan.

* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 pada 29-30, Mei 2004, anjuran Pusat Pembangunan Keluarga UM (UMCFD), UM.

- (2) Perasaan cinta dan kasih sayang (*mawaddah*), perasaan yang akan menyebabkan timbul sifat-sifat yang perlu ada dalam mengharungi hidup bersama seperti bantu-membantu, bekerjasama, toleransi dan persefahaman.
- (3) Perasaan kasihan belas (*rahman*), perasaan yang timbul bagi melengkapkan kehidupan bersama kemuncak daripada rasa tenang dan cinta. Keadaan ini akan terus disokong dengan kehadiran anak-anak melalui melalui pasangan suami isteri ini.

Ikatan perkahwinan menggambarkan betapa seorang lelaki atau perempuan sanggup menerima pasangannya yang masih asing baginya untuk hidup bersama dan sanggup berpisah dengan ibu bapa, adik-beradik dan keluarganya. Penerimaan dan kesanggupan ini bermakna masing-masing mengetahui bahawa hubungan yang akan dijalinkan nanti adalah hubungan yang lebih kuat daripada ikatan kekeluargaan dan berkeyakinan mereka akan mendapat ketenangan, kasih sayang dan Maksudnya:

وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْنَ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْنَ دَرَجَةٌ

Dan para isteri mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang makruf, tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya.

(Surah al-Baqarah 2: 228)

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ

Maksudnya: Kaum lelaki itu lebih kuat (pemimpin) keataskaum perempuan kerana Allah S.W.T telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) ke atas sebahagian yang lain (perempuan).

(Surah al-Nisa', 4:34)

Atas kelebihan ini, maka sewajarnya suami berperanan utama dalam menunaikan hak dan tanggungjawab yang diperuntukkan kepada isteri. Sekiranya hak dan tanggungjawab ini dapat dipenuhi dengan baik, hak dan tanggungjawab isteri akan menyusul walaupun pada dasarnya kedua-dua mempunyai hak dan tanggungjawab bersama yang perlu dipatuhi bersama.

HAK DAN TANGGUNGJAWAB SUAMI ISTERI

Syariat Islam telah membahagikan hak dan tanggungjawab suami isteri kepada tiga bahagian iaitu hak isteri terhadap suami, hak suami terhadap isteri dan hak bersama suami isteri (Mahmood Zuhdi dan Raihanah Azhari, 1989: 110). Hak bersama suami isteri merupakan satu hak yang perlu ditunaikan tanggungjawabnya oleh kedua-dua belah pihak. Antara hak bersama tersebut ialah:

- (1) Suami isteri berhak menikmati dan mengecapi kenikmatan dan kebahagiaan hidup berumah tangga. Halal antara kedua-duanya mengadakan hubungan kelamin selama mana tidak melampaui daripada batasan yang ditetapkan oleh syarak.

- (2) Setiap suami isteri berhak mendapatkan ketenteraman, kasih sayang dan kasihan belas yang menjadi matlamat utama kepada ikatan perkahwinan. Kesan daripada tujuan perkahwinan ini, suami isteri sepatutnya sentiasa disuburkan dengan layanan, perlakuan dan pergaulan yang baik.
- (3) Masing-masing berhak terhadap hubungan perbesanan hasil daripada perkongsian hidup yang dilangsungkan. Beberapa hukum yang berkaitan dengan perbesanan seperti yang ditetapkan oleh syarak perlu diberikan perhatian oleh kedua-dua belah pihak. Hubungan antara keluarga merupakan hak yang patut dijaga dengan baik agar tidak menimbulkan sebarang kekeliruan.
- (4) Anak-anak yang terhasil daripada hubungan perkahwinan yang sah perlu dinasabkan kepada suami. Suami atau isteri berhak membincang atau membintikan anak yang dilahirkan kepada suami.
- (5) Suami isteri mempunyai hak untuk mempusakai harta peninggalan masing-masing sekiranya berlaku kematian antara kedua-duanya. Status hak ini akan diperolehi oleh suami atau isteri walaupun belum berlaku percampuran selepas akad.

Bagi penyempurnaan hak-hak tersebut, suami isteri perlu sama-sama menunaikan tanggungjawab masing-masing. Mereka patut bersama-sama mensyukuri segala nikmat yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada mereka. Kedua-duanya perlulah bersikap sabar dan tabah menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan menimpa rumah tangga mereka dan sentiasa bertawakal kepada Allah S.W.T. Kedua-duanya perlu hidup saling nasihat-menasihati, tolong-menolong, bekerjasama, memberi dan menerima kemaafan serta berbaik sangka dan tiada perasaan ragu-meragui antara satu sama lain. Suami isteri juga sama-sama bertanggungjawab menghadapi kesusahan, rintangan dan cabaran rumah tangga, susah senang ditempuhi bersama dan menyelesaikan segala permasalahan yang dihadapi secara syura.

HAK SUAMI TERHADAP ISTERI

Hak-hak suami terhadap isteri lebih menumpukan kepada peranan dan kedudukan suami sebagai pemimpin rumah tangga. Hak-hak suami ini adalah kewajipan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh isteri selama mana dibolehkan oleh akidah, syarak dan akhlak Islam. Sekiranya apa yang dikehendaki oleh suami berkaitan hak dan tanggungjawab tersebut bertentangan atau bertembung dengan syarak, maka tidak menjadi kewajipan kepada isteri untuk menunaikannya. Antara tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh isteri ialah ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada suami. Suami berhak mendapat kepatuhan, ketaatan, layanan dan kasih mesra daripada isteri sesuai dengan taraf suami sebagai ketua rumah tangga. Isteri mesti berada dan tinggal bersama-sama suami di rumah yang ditetapkan oleh suami, menjaga rumah tangga dan anak-anak. Kebenaran untuk keluar dari rumah perlu diperolehi daripada suami terlebih dahulu sebelum ia berbuat demikian. Segala hukum syarak yang wajib dipatuhi perlu dijaga apabila berada di luar rumah seperti berpakaian menutup aurat, memelihara pandangan, menjaga kehormatan diri dan tatacara pergaulan. Isteri juga mesti menjaga rahsia serta memelihara maruah suami dan hartanya.

Segala hak suami ini semestinya menjadi kewajipan kepada isteri untuk menunaikannya walau dalam keadaan mana sekalipun kecuali dengan keredaan suami. Banyak ayat al-Quran dan hadis menegaskan tanggungjawab isteri yang mesti ditunaikan. Isteri yang solehah bukan sahaja isteri yang akan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut, bahkan akan melakukan apa sahaja yang disukai oleh suami asalkan tidak melanggar batasan syarak.

HAK ISTERI TERHADAP SUAMI

Sebagai ketua atau pemimpin kepada sebuah rumah tangga, suami memainkan peranan yang amat penting dalam pelaksanaan hak isteri dan ini dapat dilaksanakan dengan baik, nescaya sebuah rumah tangga akan beroleh kebahagiaan yang akan menimbulkan ketenangan, kasih sayang dan kasihan belas. Sebagai orang yang berada di bawah kepimpinan, isteri berhak untuk mendapatkan banyak perkara yang menjadi kewajipan kepada suami untuk menunaikannya. Hak-hak tersebut ialah:

- (1) Hak utama isteri yang perlu ditunaikan oleh suami semasa atau sebaik sahaja akad dilafazkan ialah mas kahwin. Walaupun pada asalnya mas kahwin ini sebagai hadiah dan tanda keikhlasan suami terhadap isterinya serta memuliakannya, mas kahwin wajib ditunaikan oleh suami sebagaimana yang dipersetujui (Su'ad Ibrahim Soleh: 83). Isteri berhak untuk menuntut mas kahwin ini daripada suami selagi suami tidak menunaikan.
- (2) Isteri berhak mendapatkan naikah zahir dan batin daripada suami yang menjadi kewajipan ke atas suami untuk melaksanakannya mengikut kebiasaan dan kemampuannya. Bentuk nafkah zahir meliputi soal makan, minum, pakaian, pendidikan, kesihatan, tempat tinggal dan keperluan-keperluan asas yang lain secara sederhana mengikut kelaziman, keadaan tempat dan kemampuan yang selayaknya bagi suami. Nafkah batin dalam bentuk memberikan kasih sayang, belas kasihan dan layanan seksual bagi memenuhi keperluan isteri.

Hak isteri juga mendapatkan pergaulan dan penjagaan yang baik daripada suami, Isteri berhak mendapatkan pergaulan yang baik daripada suami, manakala suami bertanggungjawab menghormau isteri dan sentiasa mengamalkan toleransi dan perbincangan dalam membuat sesuatu keputusan. Suami juga bertanggungjawab dari sudut penjagaan rohani, jasmani, maruah dan kehormatan isteri.

Isteri berhak mendapatkan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan pendidikan daripada suami. Bimbingan meliputi pelbagai sudut seperti pelajaran keagamaan, akademik dan khusus yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab seorang isteri yang solehah.

Hak isteri juga ialah mendapat keadilan terutama bagi suami yang mempunyai isteri lebih daripada satu. Suami bertanggungjawab bersifat adil dalam perkara yang berkaitan dengan pengurusan rumah tangga seperti perbelanjaan, makan, minum, pakaian, tempat tinggal, giliran dan lain-lain. Isteri berhak menuntut semua hak ini bagi mendapat keadilan yang sewajarnya.

PENGABAIAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Menjadi tanggungjawab suami dan isteri memastikan segala hak yang berkaitan dengan mereka dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Suami adalah orang yang utama selaku ketua keluarga yang perlu memastikan hak ini terjaga dengan sebaiknya. Suami wajib melaksanakan semua hak isteri bagi menjamin asas kerukunan sebuah rumah tangga. Tanggungjawab memimpin sebuah rumah tangga sememangnya satu tanggungjawab yang berat untuk dilaksanakan. Sebarang bentuk pengabaian terhadap hak dan tanggungjawab ini biasanya akan membawa kepada kecelaruan dan keruntuhan rumah tangga.

Dalam Islam seperti yang dijelaskan sebelum ini, semua hak dan tanggungjawab tersebut telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dengan jelas agar tidak lagi menimbulkan kekeliruan ten tang pembahagian hak dan tanggungjawab ini.

Tinjauan di mana-mana pejabat agama dan mahkamah syarah di seluruh negara mendapati bahawa kes-kes pengabaian yang berlaku banyak terjadi dalam kalangan orang Melayu yang semestinya beragama Islam berbanding dengan orang bukan Islam. Perangkaan yang dibuat oleh JAKIM bagi tahun 1998-2002 mendapati perkahwinan pasangan Islam seluruh negeri di

Malaysia yang didaftarkan sebanyak 453 565 dan perceraian sebanyak 63 338. Sementara perkahwinan bukan Islam dalam tempoh yang sama sebanyak 308 236 dan perceraian yang berlaku sebanyak 12 062. Satu perbezaan yang agak ketara jika dibuat perbandingan antara keduanya.

TINJAUAN STATISTIK SESI KAUNSELING

Tinjauan ini dibuat dalam sesi kaunseling dari bulan Januari hingga Disember tahun 2003 yang dijalankan oleh Jabatan Agama Negeri Johor merangkumi seluruh daerah di negeri Johor. Aduan daripada suami atau isteri yang diterima berjumlah 3590 meliputi daerah-daerah Johor Bahru, Muar, batu Pahat, Segamat, Kluang, Kola Tinggi, Pontian dan Mersing. Walau bagaimanapun, tinjauan ini hanya akan melihat secara umum sahaja iaitu merangkumi semua daerah yang mewakili negeri Johor keseluruhannya.

Berikut merupakan catatan tentang latar belakang pengadu dan yang kena adu dalam sesi kaunseling ini:

Jadual 5.1: Umur Pengadu dan yang Kena Adu

Umur Pengadu	Bawah 20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-50	Atas 51	Tiada Maklumat	Jumlah
Kekerapan	58	424	741	752	597	701	1 263	54	3590
Peratus	1.62	11.8	20.6	20.9	16.6	19.5	7.3	15	100
Umur Kena Adu	Bawah 20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-50	Atas 51	Tiada Maklumat	Jumlah
Kekerapan	59	337	671	648	653	746	316	160	3590
Peratus	1.64	9.3	18.7	18.1	18.2	20.8	8.8	4.46	100

Jadual 5.1 menunjukkan umur pengadu antara 41-50 tahun dan yang kena adu antara 41-50 tahun adalah yang paling banyak iaitu 701 (19.5%) pengadu dan 746 (20.8%) yang kena adu. Semntara peringkat umur lain berada di peringkat yang lebih rendah.

Jadual 5.2 menunjukkan statistik tahap pendidikan agama pengadu dan yang kena adu. Peratus terbanyak 1557 (43.4%) daripada pengadu yang tidak tamat persekolahan dan 933 (26.0%) daripada yang kena adu. Walau bagaimanapun, terdapat 625 (17.4%) daripada pengadu dan 1707 (47.5%) daripada yang kena adu tiada maklumat lanjut.

Jadual 5.3 menunjukkan status pekerjaan pengadu dan yang kena adu mendapati peratusan terbanyak iaitu 1507 orang (42.3%) daripada pasangan (16.5%), 16-20 tahun 364 pasangan (10.1%), 21 tahun ke atas 381 pasangan (10.6%) dan paling rendah ialah yang berkahwin setahun ke bawah iaitu 227 pasangan (6.4%).

Jadual 5 Tempoh Perkahwinan

Tempoh kahwin	Se tahun ke bawah	1-5 tahun	6-10 tahun keatas	11-15 tahun	16-20 tahun	21 tahun keatas	Tiada Maklumat	Jumlah
Kekerasan	227	930	891	592	364	381	204	3590
Peratus	6.4	25.9	24.8	16.5	10.1	10.6	5.7	100

Jadual 5.6 memaparkan bentuk aduan dan masalah yang timbul dalam rumah tangga. Perangkaan ini menunjukkan bahawa pasangan yang mengemuka permohonan cerai adalah paling tinggi peratusan iaitu 1398 orang (38.6%), diikuti dengan suami tidak menunaikan tanggungjawab sebanyak 994 (27.7%), ingin mendapatkan khidmat nasihat sebanyak 441 (12.4%), suami isteri ingkar atau tiada tolak ansur sebanyak 224 (6.2%) dan masalah-masalah lain yang peratusannya kurang daripada 5% sebagaimana dalam Jadual 5.6 di atas.

Jadual 5.6 *Bentuk Aduan dan Masalah yang Berlaku dalam Rumah Tangga*

Bentuk Aduan	Kekerapan	Peratus (%)
Mengemuka permohonan untuk bercerai	1389	38.6
Suami tidak menunaikan tanggungjawab	994	27.7
Suami tidak memberi nafkah dan isteri membuat tuntutan	170	4.7
Keluarga campur tangan dalam perselisihan suami isteri	60	1.7
Pasangan menuntut hak penjagaan anak	7	0.2
Suami berkahwin lebih daripada satu/ mengamalkan poligami	121	3.4
Pasangan yang terlibat dengan penderaan	118	3.3
Suami terlibat dengan penagihan dadah	48	1.3
Suami isteri ingkar dengan suruhan/ tiada toleransi	223	6.2
Pasangan yang dikenal pasti ada HIV positif	14	0.4
Pasangan yang ingin mendapat khidmat nasihat	441	12.4
Berlaku perbuatan sumbang mahram dalam rumah tangga	5	0.1
Jumlah keseluruhan	3590	100

RUMUSAN

Tinjauan mendapati umur yang terlibat dalam masalah rumah tangga terdiri daripada suami isteri yang berumur antara 40 hingga 50 tahun sama ada daripada pihak pengadu atau yang kena adu. Dari sudut tahap pendidikan, pengadu kebanyakannya daripada kalangan yang tidak tamat persekolahan dan yang kena adu daripada mereka yang tidak pernah terlibat dalam pendidikan. Kebanyakan mereka bekerja dengan pihak swasta dan tidak kurang juga yang tidak bekerja langsung. Oleh sebab itu, didapati banyak dari kalangan mereka yang tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Kebanyakan tempoh perkahwinan yang bermasalah ini daripada pasangan yang baru berkahwin iaitu dari tempoh 1 hingga 10 tahun.

Secara keseluruhannya, permasalahan atau aduan yang dikemukakan dalam sesi kaunseling seperti dalam Jadual 5.6 berasaskan kepada pengabaian hak isteri dan tanggungjawab suami. Antara contoh aduan daripada elemen berkaitan dengan hak isteri diabaikan dan tanggungjawab suami tidak ditunaikan sebagaimana dalam statistik ialah suami tidak bertanggungjawab (27.7%). Item ini dikenal pasti semasa sesi kaunseling diadakan kebanyakannya berasaskan kepada beberapa sebab utama seperti suami meninggalkan rumah, tidak memberi pendidikan kepada isteri dan anak-anak, memberi tumpuan lebih kepada kerja sahaja hingga balik ke rumah agak lewat dan ada yang bekerja di hujung minggu.

Item-item lain dalam statistik yang berkaitan dengan pengabaian hak isteri ialah tidak memberikan nafkah sepatutnya (4.7%), berkaitan dengan penjagaan anak (0.2%), mengamalkan poligami (3.4%), melakukan penderaan ke atas isteri (3.3%), terlibat dengan penagihan dadah (1.3%) dan melakukan sumbang mahram (0.1%). Peratus keseluruhannya ialah 40.7% dan peratusan ini tidak termasuk 38.6% yang telah mengemukakan permohonan cerai kerana berkemungkinan besar antara sebab yang ingin bercerai berpunca daripada pengabaian hak dan tanggungjawab ini.

CADANGAN

Berdasarkan hasil maklumat ini, beberapa cadangan perlu dikemukakan agar permasalahan yang berlaku dapat dibendung. Langkah-langkah daripada cadangan ini boleh diambil oleh pelbagai pihak yang berkaitan seperti ibu bapa, jabatan agama, kementerian pelajaran, kementerian pembangunan keluarga dan lain-lain yang berkaitan.

Pasangan yang ingin berkahwin terlebih dahulu perlu didedahkan dengan asas-asas ilmu perkahwinan dalam Islam. Jabatan agama boleh biasa yang diwajibkan. Mungkin satu modal ilmu perkahwinan dalam Islam juga boleh diwajibkan kepada pasangan yang ingin berkahwin. Pendidikan agama amat perlu culaui oleh setiap muda-mudi terutama yang ingin berkahwin. Peranan ibu bapa adalah amat penting dalam memastikan pendidikan ini dapat dilalui oleh anak mereka sejak awal lagi.

Persoalan hak dan tanggungjawab suami isteri amat perlu diberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah lagi. Jika perlu, boleh diwujudkan satu mata pelajaran tentang hidup berkeluarga seperti pengurusan keluarga (*Nizam al-Ushrah*) atau pengurusan hidup berumah tangga. Ramai kalangan muda-mudi sekarang yang tidak pernah mendengar istilah-istilah peraturan rumah tangga dalam Islam seperti *hadhonah*, *zihar*, *Ha % talaq*, *raj% Wan*, *khulu'*, *fasakh*, *iddah*, *nasabdan* lain-lain, apatah lagi mengetahui maksudnya. Setiap pasangan yang ingin berkahwin perlulah terlebih dahulu dipastikan oleh pihak berkuasa tentang pekerjaan dan pendapatan yang diperoleh untuk hidup bersama terutama bagi pihak bakal suami.

KESIMPULAN

Tinjauan ini adalah peringkat awal yang dilakukan berdasarkan kepada statistik yang diperoleh. Satu kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi membuat kepastian tentang pemahaman hak isteri dan tanggungjawab suami atau sebaliknya dalam kalangan pasangan yang berkahwin dan yang akan melangsungkan perkahwinan. Dapatan yang diperoleh daripada kajian tersebut amat memberi manfaat kepada perancangan keutuhan institusi kekeluargaan oleh pihak berwajib. Dengan perancangan dan pelaksanaannya nanti, diharap segala masalah yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab ini dapat dibendung terutama dalam kalangan orang Melayu yang tertakluk kepada peraturan rumah tangga dan kekeluargaan Islam.

RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad Basmih, 19%. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Al-Sayyid Ahmad Farag, 1989. *Al-Ushrah Fi Dhau'i Al-Kitab wa Al-Sunnah*. Da Al-Wafa', Mansuorah, Mesir.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari, 1989. *Undang-undangKeluarga Islam Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur Karya Abazie.
- Mustafa Haji Daud, 1997. *InstitusiKekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Statistik Sesi Kaunseling, 2003. Jabatan Agama Negeri Johor Darul Takzim. Su'ad Ibrahim Soleh, 1989. *Adwa"ala Nizam al-Ushrah Fial-Islam*. Dar al-Diya', Mesir Kaherah.

